

ALOR SETAR, Isnin — Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin, dan lapan orang ahli EXCO Kerajaan Negeri Kedah mengangkat sumpah di hadapan Sultan dan Sultanah Kedah di Istana Anak Bukit di sini hari ini.

Sultan Kedah juga menyampakan watakah perlantikan kepada Menteri Besar dan ahli-ahli EXCO itu.

Enam dari lapan ahli EXCO itu terdiri dari muka baru. Mereka ialah Encik Zakaria bin Said (Anak Bukit), Encik Yusoff bin Abdul Rahman (Jerlun), Raja Ariffin bin Raja Sulaiman (Bayu) dan Datuk Haji Khalid bin Abdullah (Alor Merah).

Dua ahli EXCO Kerajaan Negeri yang dikekalkan ialah Datuk Haji Osman bin Aroff (Jitra) dan Datuk Zainal Abidin bin Johari (Jeniang).

Turut dilantik sebagai ahli EXCO ialah bekas Speaker, Datuk Abdullah bin Ismail (Yen) dan ADUN Lunas, Encik Fang Chok Seong.

Raja Muda dan Raja Puan Muda Kedah, Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Syed Agil Barakbah, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Datuk Sheikh Othman bin Ibra-

Enam muka baru jadi ahli Exco Kedah

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

him dan wakil-wakil rakyat turut hadir di istiadat itu.

Datuk Seri Syed Nahar memberitahu sidang akhbar, muka-muka baru EXCO Kerajaan Negeri itu terdiri dari tokoh berkeelayakan dan mempunyai pengalaman luas untuk membantu Kerajaan.

Datuk Haji Khalid ialah bekas pengerusi Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia cawangan Kedah dan ketua UMNO bahagian Alor Setar

yang mempunyai perhubungan luas di medan perniagaan.

Encik Zakaria pula bekas guru kelulusan universiti dan ketua Pemuda UMNO bahagian Kuala Kedah.

Encik Yusoff ialah bendahari Pemuda UMNO Negeri dan bekas pengurus besar PER-UDA Kedah.

Raja Ariffin bekas Dekan Fakulti Kejuruteraan UTM dan jurutera perunding di sebuah firma di Kuala Lumpur.

Encik Fang, ketua Pemuda MCA Kedah, dilantik menggantikan bekas ahli EXCO Kerajaan Negeri, Datuk Leong Man Kal, yang mengundurkan diri dalam pilihanraya lalu.

Dua ahli EXCO lama digugurkan, iaitu Haji Shaari bin Haji Abu Bakar (Pendang) dan Haji Jamaluddin bin Lebai Bakar (Pengkalen Kundur).

Inilah kali pertama Datuk Seri Syed Nahar mengisikan kesemua lapan jawatan EXCO Kerajaan Negeri Kedah.